

Newspaper	Berita Harian
Date	13 October 2015



“
la jelas dinyatakan dalam kertas pendakwaan dan mana-mana pihak tidak sepatutnya berhujah kerana kerja politik mereka menentang Perdana Menteri”

Abdul Rahman Dahlan,
Pengarah Strategik
Komunikasi BN



“
Sekurang-kurangnya Khairuddin dan Chang dibenar untuk dibicarakan, di mana mereka boleh pertahankan diri dan jika didapati tidak bersalah akan dibebaskan”

Mohd Salleh Keruak,
Menteri Komunikasi
dan Multimedia



“
Dr Mahathir perlu memahami SOSMA boleh diguna untuk membanteras sebarang unsur membabitkan ancaman keselamatan”

Mohd Puad Zarkashi,
Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO

PENAHANAN KHAIRUDDIN, CHANG BAWAH SOSMA



Dr Mahathir bersama (dari kiri) Mohd Shafie, Muhyiddin, Tengku Razaleigh, Sanusi dan Tee Keat ketika sidang media berhubung penahanan Chang dan Khairuddin di bawah SOSMA 2012 di Putrajaya, semalam.
(FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH)

‘Dr Mahathir patut hormat proses undang-undang’

BH - 13/10/2015

» Kehadiran pemimpin UMNO pada sidang media bekas PM dibidas

Oleh Mohd Hamizar Hamid,
Faridzwan Abdul Ghafar
dan Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Beberapa bekas pemimpin Barisan Nasional (BN) yang kecewa digugurkan daripada pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menyertai Tun Dr Mahathir Mohamad, semalam untuk bersuara menentang penahanan serta pendakwaan terhadap Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan dan Matthias Chang.

Antara yang hadir pada sidang media bersama bekas Perdana Menteri itu ialah bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; bekas Menteri Kemaajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal dan

bekas Presiden MCA yang juga bekas Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat.

Yang turut hadir, Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah dan bekas Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Sanusi Junid.

Dr Mahathir pada sidang media di Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya berkata penahanan Chang yang juga bekas Setiausaha Politikanya dan Khairuddin, bekas Ketua UMNO Bahagian Batu Kawan mengikut Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (SOSMA) 2012 adalah satu bentuk salah guna kuasa oleh kerajaan.

Sabotaj ekonomi

Mengulas kenyataan itu, Pengarah Strategik Komunikasi BN, Datuk Abdul Rahman Dahlan, berkata Khairuddin dan Chang ditahan atas dakwaan mensabotaj ekonomi negara dan bukan kerana perbezaan politik dengan kepimpinan kerajaan.

“la jelas dinyatakan dalam kertas pendakwaan dan mana-mana pihak tidak sepatutnya berhujah penahanan itu dibuat kerana kerja politik mereka menentang Perdana Menteri,” katanya.

Abdul Rahman berkata, penahanan itu adalah wajar kerana SOSMA adalah lebih baik daripada Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), di mana tertuduh mempunyai peluang untuk membela diri di mahkamah.

Katanya, malah pewartaan undang-undang berkenaan juga diundi oleh Muhyiddin selaku Ketua Whip BN ketika itu dan beliau juga adalah orang yang memastikan semua Ahli Parlimen BN termasuk Mohd Shafie mengundinya.

“Orang masih ingat bagaimana ISA beliau (Dr Mahathir) dan warna-warni pemerintahannya selama 22 tahun. Saya fikir itu sudah mencukupi,” katanya.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Mohd Salleh Keruak, pula mengesesa Dr Mahathir membiarkan dua individu terbabit dibicarakan mengikut proses undang-undang.

Beliau berkata, situasi Khairuddin dan Chang adalah lebih baik ketika ini jika dibandingkan dengan kerajaan diketuai Dr Mahathir kira-kira 12 tahun lalu.

akan dibebaskan.
“Zaman Dr Mahathir selaku Perdana Menteri, beliau menggunakan ISA terhadap penentang dan pengkritik kerajaan yang tiada peluang dibicarakan,” katanya menerusi kenyataan dalam blognya, semalam.

Masih tidak berpuas hati

Sementara itu, Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi, berkata Dr Mahathir perlu memahami SOSMA boleh diguna untuk membanteras sebarang unsur membabitkan ancaman keselamatan dan ketenteraman negara.

Mohd Puad berkata, penahanan Khairuddin dan Chang wajar atas tuduhan mensabotaj ekonomi negara dan sepatutnya Dr Mahathir menghormati proses undang-undang itu.

“Mereka bukannya ditahan tanpa bicara, sebaliknya sudah didakwa hari ini (semalam) dan akan dibicarakan di mahkamah dan Dr Mahathir patutnya faham perkara itu,” katanya.

Ditanya mengenai kehadiran pemimpin UMNO pada sidang media itu, Mohd Puad berkata tindakan mereka adalah tidak wajar kerana masih menjadi ahli MT.

“Nampaknya mereka (Muhyiddin dan Shafie) masih tidak berpuas hati terhadap keputusan digugurkan daripada Kabinet malah masih mempertikaikan isu 1MDB (1Malaysia Development Berhad) sedangkan mereka dulu (ketika berjawatan) mempunyai platform luas.

“Saya berpendapat tindakan disiplin boleh dikenakan terhadap mereka, kerana parti mempunyai peraturan bagaimana untuk mengkritik dan menegur sesuatu perkara lebih-lebih lagi yang masih dalam siasatan,” katanya.